

31 DEC 1999

Mahathir-Perutusan

MAHATHIR SERU RAKYAT BERSATU HADAPI CABARAN ALAF BARU

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat belajar daripada sejarah yang menghendaki mereka merapatkan perpaduan dan mengukuhkan disiplin bagi menghadapi cubaan menjajah semula negara ini di alaf baru melalui sistem globalisasi ciptaan barat.

Perdana Menteri berkata negara dijajah dulu kerana rakyatnya tidak berdisiplin, kerana perebutan tempat serta kuasa dan kini ternampak seolah-olah rakyat sudah lupa pengajaran sejarah itu.

Beliau berkata apabila yang lemah meminta pertolongan asing, benteng pertahanan akan runtuh dan negara akan dijajah semula.

"Yang jelas kita belum bersedia menghadapi cabaran alaf baru. Tabiat dan budaya lama yang menyebabkan kita dijajah selama empat setengah abad masih ada pada kita, khususnya pada orang Melayu," katanya dalam perutusan Tahun Baru 2000 yang disiarkan oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam ini.

Sambil mengupas sejarah negeri-negeri Melayu dari zaman kejatuhan Melaka ke tangan Portugis hingga kepada perjuangan UMNO menentang Malayan Union, Dr Mahathir berkata rakyat boleh bergembira semasa menyambut abad dan alaf baru tetapi perlu sedar tentang bahaya globalisasi yang datang bersama.

"Tetapi bekas penjajah sudah merancang untuk menjajah kita semula. Kali ini cara lain akan diguna untuk menakluk negara kita. Cara ini diperkenal sebagai globalisasi dan dunia tanpa sempadan," katanya.

Dr Mahathir berkata mereka akan menguasai ekonomi negara yang lemah, memiliki bank dan perniagaan dan menyokong pergerakan bebas modal dengan alasan kemiskinan boleh dihapuskan di seluruh dunia dengan cara itu.

"Yang anehnya ialah sementara modal bebas bergerak melintasi sempadan, manusia tidak boleh. Yang miskin dan daif akan dikurung dalam kandang sempadan masing-masing supaya tidak mencemar negara yang kaya.

"Inilah dunia tanpa sempadan, inilah globalisasi. Yang kaya akan menjadi lebih kaya dan yang miskin akan bekerja untuk memperkayakan lagi yang kaya. Memang negara miskin juga bebas untuk menembusi pasaran yang kaya tetapi apakah yang ada pada mereka untuk dijual di pasaran yang kaya yang belum diambil alih oleh pemodal gergasi dari negara yang kaya?" katanya.

Dr Mahathir berkata krisis ekonomi di Malaysia dan negara-negara Asia Timur pada Julai 1997 adalah hasil sebenar globalisasi dan ia bukan ramalan atau khayalan tetapi sesuatu yang sudah berlaku.

"Mereka cuba dan hampir berjaya tetapi kita dapat tangkis percubaan kali ini dan kita dapat memulihkan negara kita.

"Namun kita belum selamat. Percubaan sedang dibuat lagi, jika tidak kerana rusuhan menentang WTO (Pertubuhan Perdagangan Sedunia) di Seattle, mungkin sebahagian lagi daripada sempadan kita akan akan dapat diruntuhkan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata bahawa dakyah asing sudah diterima oleh sesetengah daripada rakyat dan sedang disebar oleh mereka.

Malah, katanya, perlindungan kerajaan kepada kaum yang lemah juga dikatakan tidak secocok dengan ajaran Islam manakala perjuangan untuk bangsa dan negara sudah tidak diperlukan lagi kerana kononnya yang penting ialah merebut nikmat yang ada walaupun ini akan menjejaskan perpaduan di kalangan rakyat.

Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia daripada pelbagai kaum telah

menentukan negara terus memiliki kerajaan yang berwibawa yang boleh menghadapi cabaran alaf baru tetapi bibit-bibit perpecahan sudah disemai di kalangan rakyat dan sedang menular.

"Semasa kerajaan menumpu kepada mempertahankan negara daripada serangan luar, masa itulah yang terbaik bagi menyerang dari belakang," katanya.

Katanya, rakyat mungkin berfikir keadaan negara tidak akan berubah iaitu Malaysia tetap merdeka selama-lamanya, orang Melayu terus berkuasa dan negara tetap kaya-raya.

Semua ideologi dan sistem barat seperti feudalisme, sistem pemerintahan mutlak oleh raja, republikanisme, diktator, komunisme dan sosialisme akhirnya gagal dan globalisme akan menerima nasib yang sama juga, katanya.

"Malangnya sebelum sesuatu sistem atau ideologi dapat ditolak, ramai yang akan terkorban. Kita hendaklah berhati-hati, rapatkan barisan kita dan ketepikan perbezaan yang boleh memecahkan kita serta menghadapi cabaran yang akan datang dengan penuh semangat dan ketahanan," katanya.

Dr Mahathir berkata sejarah menunjukkan susunan yang rapi, kepimpinan yang bertanggungjawab secara khusus, disiplin, ketertiban dan latihan perlu bagi menjayakan sesuatu perjuangan dan ia boleh diserapkan ke dalam budaya tempatan.

"Mereka yang bersubahat dengan musuh lebih buruk daripada musuh kerana demi kepentingan diri, mereka sanggup menjual bangsa dan negara," katanya.

-- BERNAMA

AR MAI